

WACANA
Islam

Oleh DR. MUSTAFA DAUD

HAMPIR semua teori dan model mengenai masyarakat yang dicipta oleh sarjana Barat adalah berdasarkan kepada realiti sosial masyarakat moden Barat itu sendiri ataupun masyarakat primitif tradisional.

Ia mempunyai pandangan semesta alam (*world view*) yang berbeza daripada pandangan semesta alam golongan sarjana Islam.

Agama Islam menegaskan bahawa *Islam is the most complete way of life* (Islam adalah cara hidup yang tersempurna). Islam adalah agama yang menyeluruh, baik dari segi sosial, politik mahupun dalam ekonomi. Islam menggariskan beberapa batas tertentu untuk umatnya mengadakan kegiatan sosial.

Hubungan antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim contohnya ada hadnya di dalam Islam. Jika ada agama lain membiarkan 'seks tanpa nikah' tetapi Islam tetap mengharamkannya.

Sekarang kita lihat banyak terjadi pelbagai gejala sosial seperti bohsia, bohan, sumbang muhrim, pengguguran anak, pembuangan anak dan macam-macam lagi gejala sosial menular di kalangan umat Islam. Ia terjadi kerana umat Islam sendiri tidak menghayati apa sebenarnya kehidupan seorang Muslim sejati. Umat Islam sepatutnya mendidik anak-anak mereka dengan lebih agresif supaya minda mereka tidak terdedah kepada gejala yang kurang sihat tersebut.

Islam menetapkan garis panduan untuk umatnya supaya antara lelaki dan wanita disatukan dengan ca-

Rakyat tentukan

ra yang sah. Islam juga mengatur hidup berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat yang teratur, harmoni dan bersatu padu. Misalnya, dengan memperundangkan sifat tolong-menolong dan saling bantu-membantu dalam mengerjakan kebaikan dan melarang kemungkar-an.

Keadilan Politik Islam

Islam mempunyai sistem politik yang adil dan berdaulat. Keadilan dan kedaulatan itu boleh dilihat dari aspek-aspek berikut: Sumber perlembagaannya yang kukuh dan mantap iaitu al-Quran dan as-Sunah. Matlamat penubuhan kerajaan di dalam Islam yang jelas. Ada dua matlamat yang sering membantu bagi penubuhan kerajaan di dalam negara Islam. Ia bertujuan untuk membentuk ad-deen (keimanan) dan menjaga kepentingan rakyat.

Pembentukan keimanan adalah tujuan asas yang mesti dilakukan oleh politik Islam. Sesungguhnya itulah sebabnya ia wujud dengan kualiti yang membezakannya dari sistem politik lain.

Perkataan 'adil' disebut di dalam al-Quran tidak kurang daripada 28 kali. Pendek kata, bermula dari perubahan individu, keluarga, masyarakat, negara dan sehingga ke peringkat global, Islam menyeru umatnya agar berlaku adil untuk menjamin kedamaian hidup sejagat.

Tidak ada diskriminasi dalam melaksanakan keadilan politik di dalam Islam. Berbanding dengan sistem politik yang lain yang mempunyai fahaman perkauman, sentimen agama yang melulu dan politik kepartian

kedaulatan politik Islam

yang sempit, yang menyebabkan manusia tidak berlaku adil.

Kedaulatan sistem politik Islam

Sejarah sudah membuktikan bahawa kejatuhan sistem komunisme adalah disebabkan kedaulatan yang berpandukan kepada akal dan hawa nafsu mereka semata-mata. Jelaslah, teori kedaulatan Barat menampakkan pemisahan yang nyata antara agama dari politik.

Fungsi Tuhan tidak langsung disentuh oleh Barat apabila membincangkan soal kedaulatan. Perbezaan inilah yang menjadi garis pemisah antara sistem politik Islam dan Barat. Allah s.w.t. adalah sumber kedaulatan yang mutlak dan kuasa yurisdiksi (perundangan).

Tidak ada sesiapa pun yang berhak melanggarnya walau haiwan sekalipun. Segala ketetapan diatur dengan sempurna sesuai dengan fitrah dan naluri makhluk itu sendiri.

Sumber kedaulatan terakhir ialah kedaulatan rakyat. Rakyat berfungsi dalam menentukan kedaulatan. Islam menggariskan kriteria-kriteria asas kepada umatnya dalam memilih pemimpin demi menjamin keamanan dan kebahagiaan negara.

Pembelaan golongan minoriti. Pemerintahan Islam mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh mana-mana pemerintahan lain. Sejarah membuktikan sejak dahulu hingga kini bahawa golongan minoriti Islam di negara-negara bukan Islam rata-rata mengalami penindasan dan kezaliman.

Sedangkan golongan minoriti bukan Islam (zimmi)

di negara Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke hari ini mendapat pembelaan dan mempunyai kedudukan istimewa di negara Islam.

Setelah kita melihat dan mengkaji bidang politik, sosial dan ekonomi, jelaslah bahawa Islam adalah agama yang tersempurna yang di dalamnya terkandung segala kebaikan dan kelebihan.

Semua yang buruk dan lemah itu adalah hasil ciptaan manusia yang tidak mengikut garis-garis dan ketetapan yang ditentukan oleh Allah s.w.t. yang tercatat di dalam al-Quran dan as-Sunah.

Samuel Huntington dan Roger Garaudy membuat kesimpulan bahawa Islam selalunya berada di belakang Barat selepas berlalunya zaman keagungan tamadun Islam.

Hal ini disebabkan oleh kegagalan umat Islam sendiri yang kurang mempunyai kesedaran bahawa Islam mampu bersaing dalam mengejar kemajuan di dunia.

Malah umat Islam dahulu pernah menjadi obor dan pemimpin dunia di dalam semua bidang kehidupan.

Kebangkitan kembali Islam menjelang abad ke-14 dan 15 Hijrah menjanjikan penguasaan semula Islam dalam abad ke-21 seperti yang diramalkan oleh Huntington dan Garaudy. Semuanya walau bagaimanapun hanya merupakan idealisme yang indah di atas kertas. Ia tidak akan menjadi realiti tanpa penghayatan keimanan, ketakwaan dan amal soleh umat Islam sejagat.

PROF. MADYA DR. MUSTAFA DAUD
Pengarah Pusat Islam Universiti Utara Malaysia.